

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI BEREK POLIS
DI PATANI ROAD, PULAU PINANG
PADA 20 NOVEMBER 1967**

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan hadir di dalam majlis ini dan bersama-sama kita menyaksikan pembukaan rasmi rumah-rumah baru Polis di Balai Jalan Patani pada petang ini.

Sekarang jumlah penduduk-penduduk di kawasan ini telah mencapai ke angka hampir 352,508 orang dan saya berasa amat gembira menyatakan bahawa secara praktiknya tidak ada perkara-perkara jenayah yang besar berlaku.

Sebelum perang dahulu, Balai Polis Jalan Patani ini ialah tempat tinggal orang-orang Polis bangsa Sikh yang dikhaskan untuk membuat tugas-tugas 'Guard' dan eskot. Rumah-rumah ini ada 54 buah yang tiap-tiap satu kelamin dapat satu bilik tidur yang kecil dan anjung sempit untuk berehat. Rumah-rumah orang bujang ialah untuk 100 orang. Rumah-rumah yang lama ini telah dirobohkan dan gantinya telah didirikan pula empat buah bangunan tingkat tiga untuk 72 kelamin dan lima buah bangunan tingkat lima untuk 112 kelamin yang tiap-tiap kelamin keluarga mengandungi dua bilik tidur dan tempat rehat yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang moden. Selain dari itu didirikan pula 2 rumah kelas 'F' untuk Sub. Inspektor. Pembinaan projek ini kerajaan telah membelanjakan wang berjumlah \$1,757,189/-.

Pasukan Polis dalam negeri ini adalah sebagai satu alat untuk menjaga keamanan dan ketenteraman; mereka adalah menjadi perantaraan yang masyarakat moden boleh dan dapat memelihara ketenteraman supaya rakyat boleh hidup dengan selamat dalam rumah-rumah mereka dan bebas dalam menjalankan urusan-urusan mereka yang halal. Dalam menjayakan tugas ini perkhidmatan mereka adalah dalam bentuk mencegah kejadian-kejadian jenayah, menyasat dan menyelesaikan segala aduan-aduan, memungut, menapis serta membanding atas penyebaran perisikan dan lain-lain tugas yang tertentu. Dengan sebab itu, semua tujuan-tujuan ini tidak akan tercapai kalau tidak dengan kerjasama dan pertolongan orang ramai. Walaupun demikian, saya berani mengatakan dengan megahnya bahawa pasukan Polis dalam negeri ini sentiasa cuba mengukuhkan perhubungan baik dengan orang ramai untuk saling persefahaman bagi perkhidmatan orang ramai disertai pula dengan sokongan moral dan kerjasama yang cergas. Inilah perkara-perkara yang menjadi dasar-dasar terpenting dalam sistem pasukan polis kita.

Tidaklah terkeluar dari tujuan asasnya untuk menyebutkan bahawa dasar utama kerajaan Perikatan adalah sentiasa menuju kepada kemajuan pembinaan negara. Sebagai contohnya lihatlah bangunan Balai Polis yang baharu ini telah menelan belanja sebanyak \$1,757,189/-. Ini adalah satu dari beberapa rancangan

seluruh negara untuk memberikan rumah-rumah tempat tinggal yang moden dan lengkap bagi Pasukan Polis. Dengan cara ini kita bukan sahaja menjamin keselamatan kepada anggota-anggota Polis untuk masa hadapan mereka bahkan juga menjamin keselamatan negara di masa hadapan.

Ucapan saya ini tidak akan sempurna rasanya kalau tidak disertakan dengan ucapan tulus ikhlas dan terima kasih saya kepada Jabatan Kerja Raya dan Jurutera-jurutera serta Jurutekniknya yang telah bertanggungjawab terhadap pembinaan bangunan ini. Bangunan ini telah siap tepat pada masanya, sebab itu saya sangat-sangat berterima kasih kepada mereka. Ucapan terima kasih saya juga saya lujukan kepada Ketua Pegawai Polis dan Pegawai-pegawai serta orang bawahannya untuk menjayakan upacara ini.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan sekalian atas upacara yang gilang gemilang ini dan sekarang saya isytiharkan pembukaan bangunan-bangunan Polis baharu ini.

Terima kasih.